

05 OCT 1999

Jalan Raya-Malaysia

PBB MINTA NEGARA ASIA CONTOHI PROJEK JALAN RAYA MALAYSIA

KUALA LUMPUR, 5 Okt (Bernama) -- Negara-negara Asia harus mencontohi kejayaan Malaysia menarik penyertaan sektor swasta dalam projek penswastaan jalan raya, kata seorang pegawai Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) hari ini.

"Mereka harus belajar daripada Malaysia. Ia membabitkan usahasama antara kerajaan dan sektor swasta," kata Dr M. Rahmatullah, Pengarah Transport, Communications, Tourism and Infrastructure Development Division of UN's Economic and Social Commission For Asia and the Asia Pacific.

Beliau menarik perhatian kepada Lebuhraya Utara-Selatan sepanjang 847km sambil berkata ia lebuhraya bertaraf dunia dan Malaysia jauh lebih maju daripada kebanyakan negara Asia yang lain.

Beliau berkata lebuhraya di Malaysia mempunyai jalan kembar yang dilengkapi dengan kemudahan riadah dan rekreasi yang boleh menarik pelawat asing apabila projek Lebuhraya Asia sepanjang 90,000km siap.

Ketika berucap pada Kongres Jalan Raya Dunia ke-21 di sini hari ini, Rahmatullah berkata penswastaan bermakna pembinaan dapat disiapkan dalam tempoh lebih cepat dan bayaran tol yang rendah disebabkan pembabitkan terus kerajaan dalam projek itu.

Pengarah Bahagian Penyeliaan, Lembaga Lebuhraya Malaysia, Ismail Mohd Salleh berkata idea berhubung dengan lebuhraya itu disuarakan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada tahun 70-an.

Ismail, yang membentangkan kertas cadangan mengenai NSE sebagai sebahagian daripada Rangkaian Lebuhraya Asia berkata kerajaan menswastakan projek itu pada 1988 kepada United Engineers (M) Berhad dan keseluruhan laluan NSE dibuka pada 1994.

Ismail berkata selain menawarkan perjalanan yang cepat dan selesa, NSE juga membantu memesatkan pembangunan kawasan-kawasan pertumbuhan baru dan meningkatkan muatan pengangkutan barangan.

Kejayaan projek penswastaan di Malaysia juga menarik minat India yang mempelawa syarikat-syarikat Malaysia melabur dalam projek jalan raya di negara itu.

Prafulla Kumar, ketua pengarah (Pembangunan Jalan) dan Setiausaha Tambahan Kementerian Pengangkutan Darat berkata, negara itu merancang untuk membina empat projek lebuhraya.

Kumar berkata syarikat-syarikat Malaysia yang telahpun terbabit dalam beberapa projek jalan raya di Andhra Pradesh dan Tamil Nadu, juga dipelawa mengambil bahagian.

Beliau berkata satu lagi projek yang menghubungkan Jaipur dengan Kishangar meliputi 93km kini dalam proses pra kelayakan dan tender dijangka dikeluarkan dalam masa enam bulan.

Kumar berkata kerajaan India menawarkan insentif kepada sektor swasta termasuk pembiayaan sehingga 40 peratus.

"Tujuan kita ialah untuk menghubungkan bandaraya utama...Delhi, Madras, Mumbai dan Calcutta serta memperbesarkan laluan daripada dua kepada empat lorong," kata beliau.

-- BERNAMA

AR FAZ